



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIARAN AKHBAR

**MAJLIS SAMBUTAN AWAL TAHUN BARU HIJRAH 1444H
BAGI KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI SERTA JABATAN-JABATAN
DI DALAMNYA BAGI TAHUN 2022M**

Hari Khamis, 06 Muharram 1444H bersamaan 04 Ogos 2022M

Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengadakan Majlis Sambutan Awal Tahun Baru Hijrah 1444 pada hari Khamis, 06 Muharram 1444H bersamaan 04 Ogos 2022M bertempat di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis tersebut ialah Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, Pemangku Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Turut hadir ialah Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Setiausaha-Setiausaha Tetap, Pengarah Urusan Brunei Darussalam Central Bank, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-Ketua jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi termasuk pegawai dan kakitangan daripada Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia (HMSF) dan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB)

Majlis dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah dan disusuli dengan Ceramah Khas yang bertajuk “Bersabar, Berikhtiar, Bertawakkal dan Berdoa Menghadapi Ujian: Memacu Wawasan Negara” yang disampaikan oleh Yang Mulia Ustaz Mohammad Nasyith bin Superi, Pegawai Ugama, Pusat Da’wah Islamiah, Negara Brunei Darussalam.

Majlis ini adalah merupakan salah satu aktiviti tahunan keagamaan Kementerian Kewangan dan Ekonomi yang bertujuan untuk memperingati dan membesarkan Sambutan Awal Tahun Baru Hijrah, disamping mengeratkan hubungan silaturrahim diantara pegawai-pegawai dan kakitangan kementerian ini.

Majlis pada tahun ini diselenggarakan oleh Bahagian Penyelidikan dan Pengurusan Strategik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

**Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh: 06 Muharram 1444H
04 Ogos 2022M**